LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum awda memohon Kad Kredit Perbadanan TAIB. Sila baca juga Terma dan Syarat Kad Kredit dan Terma dan Syarat Am Perbadanan TAIB, dan maklumkan kami jika awda memerlukan apa-apa penjelasan mengenai mana-mana bahagian dokumen ini.	**KAD KREDIT *(RETAIL)*** Maklumat dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah bermula dari 12 November 2026

1. Apakah Kad Kredit TAIB?

Kad Kredit Perbadanan TAIB ("Kad Kredit") ialah instrumen pembayaran patuh Syara' yang membolehkan Pemegang Kad membuat pembelian dan pengeluaran wang tunai secara kredit dalam had yang diluluskan di mana-mana ATM yang diperakui oleh Mastercard dalam Negara Brunei Darussalam atau luar negara.

Jenis Kad Kredit yang ditawarkan adalah seperti berikut:

a) TAIB Classic Mastercard
b) TAIB Gold Mastercard
c) TAIB World Mastercard

Dengan Kad Kredit ini, Pemegang Kad akan dapat menikmati manfaat berikut:

a) Transaksi Mastercard tanpa sentuh yang hanya memerlukan Pemegang Kad meletakkan Kad Kredit pada terminal pos untuk membuat pembayaran.
b) Akses kepada lebih 43 juta peniaga di seluruh dunia.
c) Kemudahan pengeluaran wang tunai dalam negara dan antarabangsa.
d) Sehingga B$5,000.00 had perbelanjaan harian (tertakluk kepada kelayakan had maksimum Kad Kredit).
e) Tawaran jangka panjang, bermusim dan eksklusif daripada TAIB Merchant Delights.
f) Pulangan tunai sehingga 0.5% bagi World Mastercard (terhad pada B$150.00) dan 0.3% untuk Gold Mastercard (terhad pada B$50.00) dan Classic Mastercard (terhad pada B$15.00).
g) Setiap pemegang kad World Mastercard utama dan tambahan menerima sehingga 3 akses lounge lapangan terbang percuma.

[1] Sila rujuk no. 15 – Berapakah jumlah akses lounge lapangan terbang yang diberikan kepada pemegang kad World?

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Kad Kredit TAIB adalah berdasarkan konsep Syariah *Kafalah bil Mal*, *Wakalah bil Ujrah* dan *Qardh*.

Di bawah konsep *Kafalah bil Mal*, Perbadanan TAIB bertindak sebagai penjamin dan menjamin pembayaran kepada Peniaga untuk barangan atau perkhidmatan yang dibeli oleh Pemegang Kad.

Di bawah konsep *Wakalah bil Ujrah*, Perbadanan TAIB bertindak bagi pihak Pemegang Kad untuk mentadbir pembayaran Pemegang Kad kepada Peniaga dan menguruskan akaun Kad Kredit dengan mengenakan bayaran yang ditetapkan.

Di bawah konsep *Qardh*, wang tunai yang dikeluarkan oleh Pemegang Kad menggunakan Kad Kredit dianggap sebagai pinjaman tanpa faedah.

3. Siapakah yang boleh memohon?

Pemohon untuk Kad Kredit TAIB mesti memenuhi perkara berikut:

a) Berumur 21 tahun dan ke atas untuk Pemegang Kad utama.
b) Menerima pendapatan bulanan tetap (gaji atau pencen) dalam akaun yang dibuka di Perbadanan TAIB atau mempunyai Simpanan Tetap (seperti Deposit Bertempoh Ar-Rizq atau Sijil Deposit TAIB) di Perbadanan TAIB.
c) Warganegara atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam. Sekiranya Pemohon adalah warganegara asing, bukti menetap di Negara Brunei Darussalam adalah diperlukan.

4. Berapakah bilangan maksimum Kad Kredit Tambahan yang boleh dikeluarkan untuk Pemegang Kad?

Maksimum 4 Kad Kredit Tambahan boleh dikeluarkan untuk Pemegang Kad. Kad Kredit Tambahan hanya akan dikeluarkan kepada mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas.

5. Apakah had kad maksimum bagi Kad Kredit?

Had kad maksimum bagi Kad Kredit adalah mengikut jenis Kad Kredit seperti berikut:

a)	TAIB Classic Mastercard	-	**B$5,000.00**
b)	TAIB Gold Mastercard	-	**B$20,000.00**
c)	TAIB World Mastercard	-	**B$300,000.00**

Pemegang Kad yang memegang Classic Mastercard atau Gold Mastercard boleh memohon had Kad Kredit yang lebih tinggi daripada had yang ditetapkan namun masih mengekalkan jenis Kad Kredit masing-masing. Walau bagaimanapun, Pemegang Kad akan dinaik taraf kepada pakej jenis Kad Kredit di peringkat seterusnya termasuk tarif dan fi yang berkenaan.

6. Apakah had kelayakan maksimum Pemegang Kad?

Pendapatan kasar bulanan	-	Had kelayakan maksimum
Di antara **B$500.00** dam **B$999.00**	-	1 kali daripada Pendapatan Bulanan Kasar Pemegang Kad
Di antara **B$1,000.00** and **B$9,999.00**	-	2 kali daripada Pendapatan Bulanan Kasar Pemegang Kad
B$10,000.00 dan ke atas	-	Tertakluk kepada polisi semasa Perbadanan TAIB

Had kelayakan boleh dilanjutkan sehingga Jumlah Nisbah Khidmat Hutang (TDSR) maksimum sebanyak 60% untuk Pemohon dengan pendapatan bersih bulanan B$1,750.00 dan ke atas. Pemohon dengan pendapatan bulanan bersih di bawah B$1,750.00 akan tertakluk kepada polisi Perbadanan TAIB yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

Had kelayakan terakhir adalah tertakluk kepada penilaian keseluruhan dan polisi kredit Perbadanan TAIB.

7. Berapa lamakah tempoh sah maksimum Kad Kredit?

Semua Kad Kredit yang dikeluarkan adalah sah untuk tempoh maksimum 4 tahun.

8. Apakah kaedah pembayaran yang tersedia?

Pemegang Kad mempunyai pilihan untuk sama ada membuat pembayaran penuh atau pembayaran minimum kepada kad kredit mereka, yang akan ditolak secara automatik daripada akaun Simpanan atau Semasa mereka pada tarikh akhir bulan masing-masing.

a) Pembayaran dalam talian melalui aplikasi TAIBVX.
b) Terminal layan diri Perbadanan TAIB (ATM atau MFM).
c) Melalui kaunter di mana-mana cawangan Perbadanan TAIB.

d) Arahan tetap.
e) Sebarang kaedah pembayaran lain yang ditentukan oleh Perbadanan TAIB dari semasa ke semasa.

9. Adakah terdapat sekatan atau larangan ke atas penggunaan Kad Kredit?

Pemegang Kad adalah disekat atau dilarang dari menggunakan Kad Kredit untuk membayar:

a) Barangan dan perkhidmatan atau aktiviti yang bertentangan dengan prinsip Syara' termasuk tetapi tidak terhad kepada kedai arak atau kafe yang menyajikan minuman beralkohol, kelab malam, perkhidmatan pengiring dan temu janji, atau sebarang transaksi perjudian.
b) Sebarang obligasi pembiayaan kepada Perbadanan TAIB.
c) Pembelian barangan 'Ribawi' seperti emas dan perak.

Sila rujuk Terma dan Syarat Kad Kredit untuk maklumat lanjut.

10. Bilakah Tarikh Akhir Pembayaran?

Tarikh Akhir Pembayaran adalah hari ke-25 dari Tarikh Penyata Kad Kredit yang dikeluarkan setiap bulan. Tarikh Penyata Kad Kredit dikeluarkan setiap bulan. Tarikh Penyata ialah hari ke-5 pada setiap bulan.

11. Berapakah Bayaran Minimum yang perlu dibayar setiap bulan?

Bayaran Minimum yang perlu dibayar setiap bulan oleh Pemegang Kad ialah:

a) **8%** daripada baki jumlah terhutang atas pembelian dan pengeluaran/pendahuluan tunai atau B$40.00 (mana yang lebih tinggi) ; **tambah**
b) Fi atau caj yang dikenakan (jika ada); **tambah**
c) Ansuran bulanan (jika ada) seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Kad Kredit atau **B$40.00** (yang mana lebih tinggi)

Contoh
Andaian
(a) Jumlah baki terhutang atas pembelian dan pengeluaran tunai - B$920.00
(b) Fi:
- Fi Tahunan - B$35.00
- Fi Pentadbiran bulanan - B$2.27

(c) Ansuran Bulanan - B$100.00

Bayaran minimum
(8% x B$920) + B$35 + B$2.27 + B$100 = **B$210.87**

Sila rujuk seksyen 12 (a) untuk maklumat lanjut mengenai pengiraan Yuran Pentadbiran bulanan.

12. Berapakah Fi yang perlu dibayar?

a) <u>Pembelian</u>

Fi Pentadbiran berikut dikenakan ke atas Kad Kredit untuk transaksi pembelian:

Jenis Kad Kredit	-	Fi Pentadbiran (setiap bulan)
TAIB Classic Mastercard	-	**B$75.00**
TAIB Gold Mastercard	-	**B$300.00**
TAIB World Mastercard	-	**B$4,500.00**

Fi Pentadbiran adalah tertakluk kepada perkara berikut:

i) ***Ibra'*** atau rebat boleh diberikan sepenuhnya jika jumlah pembelian dibayar sepenuhnya sebelum Tarikh Akhir Pembayaran. Jika Pemegang Kad membuat pembayaran separa atau tidak membuat pembayaran ke atas jumlah baki yang terhutang pada pembelian sebelum Tarikh Akhir Pembayaran, ***Ibra'*** atau rebat boleh diberikan berdasarkan perbezaan di antara Fi Pentadbiran yang dikenakan pada Kad Kredit dan Fi Pentadbiran yang perlu dibayar setiap bulan pada Tarikh Penyata Kad Kredit.

ii) Fi Pentadbiran yang perlu dibayar setiap bulan adalah 1.5% daripada jumlah baki terhutang pada pembelian yang dikira pada kadar harian 18% ÷ 365 hari bermula dari Tarikh Akhir Pembayaran pertama bagi pembelian sehingga tarikh pembayaran penuh bagi pembelian tersebut diterima.

*Sila baca **Lampiran 1** bagi ilustrasi yang lebih jelas.*

a) **<u>Pengeluaran/pendahuluan tunai</u>**

Fi **B$35.00** akan dikenakan ke atas pengeluaran/pendahuluan yang dibuat daripada Kad Kredit.

Had maksimum untuk pengeluaran/pendahuluan tunai ialah **100%** daripada had maksimum Kad Kredit yang dikeluarkan dan tertakluk kepada had pengeluaran harian sebanyak **B$2,000.00** atau 10 pengeluaran, yang mana dicapai dahulu.

b) Tarif dan Fi berikut juga perlu dibayar:

i) **<u>Fi Tahunan</u>**

Fi Tahunan akan dikecualikan bagi tempoh empat (4) tahun pertama ("Tempoh Pengecualian Awal") untuk semua permohonan baharu Kad Kredit Perbadanan TAIB, bagi Kad Utama dan sehingga empat (4) Kad Tambahan.

Namun demikian, selepas tempoh tersebut, Fi Tahunan boleh dikecualikan pada setiap tahun tertakluk kepada pemegang kad memenuhi syarat minimum perbelanjaan runcit tahunan yang ditetapkan. Pengecualian ini juga diberikan kepada pemegang Kad Kredit Perbadanan TAIB yang sedia ada.

Jenis Kad	Minimum Perbelanjaan Runcit Tahunan
TAIB Classic Mastercard	B$4,000.00
TAIB Gold Mastercard	B$12,000.00
TAIB World Mastercard	B$18,000.00

Sekiranya syarat minimum perbelanjaan runcit tidak dipenuhi, Fi Tahunan berikut akan dikenakan:

	Pemegang Kad Utama	Pemegang Kad Tambahan
TAIB Classic Mastercard	**B$35.00**	**B$15.00**
TAIB Gold Mastercard	**B$120.00**	**B$60.00**
TAIB World Mastercard	**B$250.00**	**B$190.00**

Bagi pelanggan **Platinum**, TAIB World Mastercard adalah sebagai sebahagian daripada pakej akaun dan Fi Tahunan untuk Pemegang Kad Utama dan 3 Pemegang Kad Tambahan akan ditiadakan. Tiada pengecualian Fi Tahunan akan diberikan kepada Kad Kredit Tambahan Ke-4 dan Fi Tahunan sebanyak B$190.00 akan dikenakan.

ii)	**Permintaan penggantian Kad Kredit**	-	**B$20.00**
iii)	**Penggantian PIN**	-	**B$15.00**
iv)	**Transaksi Matawang Asing**	-	**2%** daripada jumlah transaksi
v)	**Pengendalian Pertikaian**	-	**B$5.00**
vi)	**Pengambilan Semula Draf Jualan**		**B$10.00** satu salinan
vii)	**Pengembalian *Direct Debit*** (Arahan Tetap gagal disebabkan dana tidak mencukupi)	-	**B$20.00**
viii)	**Pengembalian Semula Penyata *'Hardcopy'***		
	(a) Kurang daripada dan sehingga 12 bulan		**B$5.00** (sehingga 5 helai*)
	(b) Lebih daripada 12 bulan sehingga 24 bulan		**B$15.00** (sehingga 15 helai*)
	(c) Lebih daripada 24 bulan sehingga 48 bulan		**B$20.00** (sehingga 20 helai*)
	(d) Lebih daripada 48 bulan		**$30.00** (sehingga 30 helai*)

* Pemegang Kad akan dicaj B$1.00 bagi setiap helaian berikutnya

Penukaran had

Tiada fi dikenakan untuk penukaran had Kad Kredit. Walau bagaimanapun, sebarang penukaran had Kad Kredit tertakluk kepada penilaian keseluruhan dan had kelayakan maksimum Pemohon.

Penyata Kad Kredit melalui Perbankan Dalam Talian

Tiada fi dikenakan dikenakan untuk mendapatkan Penyata Kad Kredit melalui Perbankan Dalam Talian sehingga 1 tahun.

[*Sila rujuk Jadual Tarif dan Fi Perbadanan TAIB untuk maklumat lanjut*]

13. Dapatkah pembelian Kad Kredit ditukar kepada Pelan Pembayaran Ansuran (SimplePay)?

SimplePay ialah pelan pembayaran ansuran bagi pembelian Kad Kredit yang membolehkan awda membuat pembayaran bulanan bagi pembelian awda dalam tempoh yang tetap tanpa dikenakan fi pentadbiran.

SimplePay tertakluk kepada fi-fi berikut:

Tempoh pembayaran ansuran	Fi pemprosesan
3 bulan ke 12 bulan	B$40.00
13 bulan ke 24 bulan	B$70.00

Fi-fi ini dikenakan berdasarkan tempoh pembayaran ansuran. Bayaran bulanan akan dikira mengikut tempoh pembayaran ansuran dan jumlah transaksi setiap penukaran.

Terma dan syarat lain:

i)

Jumlah minimum setiap penukaran	Jumlah maksima setiap penukaran
B$300.00	B$6,000.00

Jumlah keseluruhan transaksi di atas adalah tertakluk kepada had Kad Kredit awda dan jumlah keseluruhan transaksi tidak boleh melebihi 90% daripada had Kad Kredit Pemegang Kad.

ii) Jumlah tersebut boleh ditukar kepada *SimplePay* dalam tempoh di antara tarikh transaksi tersebut terpapar di TAIBVX hingga tiga puluh (30) hari dari tarikh penyata Kad Kredit.

iii) Pengeluaran/pendahuluan tunai dan pelan *SimplePay* yang sedia ada tidak dibenarkan untuk ditukar atau dipindah ke pelan *SimplePay* yang lain.

Fi Pembatalan

Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa menyelesaikan semua pembayaran dengan memaklumkan Perbadanan TAIB secara bertulis. Setelah menerima makluman tersebut, Fi sebanyak B$100.00 akan dikenakan bagi setiap pembatalan Pelan Ansuran.

14. Bagaimanakah Pemegang Kad boleh mendapatkan 'cashback'?

Pemegang Kad akan layak mendapat 'cashback' ke atas pembelian yang dibuat daripada kad seperti Point-of-Sale (POS) dan pembelian dalam talian termasuk transaksi pengebilan berulang (recurring billing). Cashback tidak akan diberikan ke atas transaksi berikut:

i. Pengeluaran tunai
ii. Fi dan caj
iii. Pembelian yang dibatalkan/dikembalikan
iv. Pembayaran ansuran 'SimplePay'

Mekanisme program cashback adalah seperti berikut:

Jenis Kad Kredit	Peratus cashback (%)	Jumlah maksima atau had cashback
TAIB Classic Mastercard	0.3%	B$15.00
TAIB Classic Mastercard dengan had Gold / Gold Mastercard	0.3%	B$50.00
TAIB Classic/Gold Mastercard dengan had World	0.3%	B$150.00
TAIB World Mastercard	0.5%	B$150.00

15. Berapakah jumlah akses lounge lapangan terbang yang diberikan kepada pemegang kad World?

Pemegang Kad Kredit TAIB World akan menerima 3 akses lounge lapangan terbang setiap tahun, yang dikenakan secara berasingkan ke atas pemegang utama dan pemegang tambahan.

Pemegang Kad Utama yang mempunyai kurang daripada 2 pemegang kad tambahan akan diberikan satu (1) akses tambahan setiap tahun melalui rebat semasa penggunaan.

Sebarang lawatan di luar akses percuma akan dikenakan bayaran sebanyak USD32.00 setiap lawatan.

16. Bagaimana jika Pemegang Kad gagal memenuhi kewajipan berikut?

a) **Bayaran bulanan**

Sekiranya Pemegang Kad gagal membuat pembayaran bulanan, Perbadanan TAIB berhak untuk menolak atau memindahkan sebarang jumlah daripada akaun(-akaun) lain Pemegang Kad yang dikekalkan dengan Perbadanan TAIB sebagai bayaran ke atas pembayaran bulanan yang ingkar atau sebarang jumlah tertunggak yang perlu dibayar pada Kad Kredit.

Perbadanan TAIB selanjutnya berhak untuk:

i) Menyekat penggunaan Pemegang Kad pada Kad Kredit, sekatan hanya akan ditarik balik sebaik sahaja pembayaran

yang perlu dibayar diterima daripada Pemegang Kad; dan/atau

ii) menamatkan semua atau mana-mana perkhidmatan Kad Kredit yang diberikan kepada Pemegang Kad serta-merta tanpa notis terlebih dahulu.

Pemegang Kad tetap bertanggungjawab kepada Perbadanan TAIB untuk sebarang baki tertunggak, semua fi berkaitan perkhidmatan Kad Kredit dan sebarang kos yang timbul daripada tindakan undang-undang yang diambil terhadap Pemegang Kad.

b) **Melapor transaksi tanpa kebenaran**

Pemegang Kad dikehendaki memaklumkan Perbadanan TAIB dalam tempoh 14 hari dari tarikh Penyata Kad Kredit yang merekodkan percanggahan atau transaksi tanpa kebenaran yang didakwa muncul sama ada:

i) dengan menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di talian **+673 2220 299**; atau
ii) mengunjungi mana-mana cawangan Perbadanan TAIB; atau
iii) mengisi Borang Pertikaian yang terdapat di laman web Perbadanan TAIB: www.taib.com.bn, dan menghantarnya melalui e-mel ke: card.centre@taib.com.bn.

Kegagalan untuk melaporkan percanggahan atau transaksi tanpa kebenaran akan mengakibatkan Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya ke atas transaksi tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang Kad tetap bertanggungjawab terhadap sebarang urus niaga yang didakwa tanpa kebenaran yang terhasil daripada tindakan Pemegang Kad.

17. Apakah risiko utama yang boleh dihadapi oleh Pemegang Kad

a) **Kad Kredit Hilang atau Dicuri**

Jika Kad Kredit hilang atau dicuri, Pemegang Kad hendaklah segera menyekat penggunaan Kad Kredit dengan menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di **+673 2220 299** atau melalui Perbankan Dalam Talian TAIBVX.

b) **Terlepas bayaran bulanan**

Sebarang pembayaran yang terlepas akan diperlihatkan di dalam Laporan Biro Kredit yang diselenggarakan oleh Brunei Darussalam Central Bank, yang boleh menjejaskan penilaian permohonan pembiayaan Pemegang Kad di mana-mana institusi kewangan di masa hadapan.

18. Adakah dokumen yang diperlukan untuk memohon Kad Kredit?

a) **Warganegara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam**

i) Pelanggan sedia ada dengan penetapan kemasukan gaji atau pencen di Perbadanan TAIB
- Kad Pengenalan yang sah
- Pasport Sah (untuk penduduk tetap sahaja)
- Bukti alamat kediaman sekarang
- Slip Gaji 1 Bulan Terkini

ii) Pelanggan baru yang ingin menetapkan kemasukan gaji atau pencen di Perbadanan TAIB
- Kad Pengenalan yang sah
- Pasport yang sah (untuk penduduk tetap sahaja)
- Bukti alamat kediaman sekarang
- Slip gaji 1 bulan terkini
- Surat pengesahan pekerjaan
- Penyata bank tiga (3) bulan terkini
- Surat pelepasan (jika berkenaan)
- Sijil Baki (untuk memindahkan pembiayaan atau perkhidmatan Kad Kredit kepada Perbadanan TAIB, jika berkenaan)

iii) Pelanggan sedia ada atau baru yang tidak menetapkan kemasukan gaji atau pencen di Perbadanan TAIB
- Kad Pengenalan yang sah

- Pasport Sah (untuk penduduk tetap sahaja)
- Bukti alamat kediaman sekarang
- Bukti dana yang mencukupi dalam akaun Deposit Berjangka Ar-Rizq atau Sijil Deposit TAIB sebagai jaminan penuh, atau sebagai alternatif hendaklah membuka akaun Deposit Berjangka Ar-Rizq atau Sijil Deposit TAIB dengan jumlah yang sama atau lebih daripada had Kad Kredit yang dipohonkan.

b) **Pemohon warganegara asing**
Sebagai tambahan kepada dokumen di atas, dokumen tambahan berikut diperlukan:

- Bukti alamat tetap di luar negara
- Bukti pekerjaan yang menunjukkan tempoh perkhidmatan
- Pas pekerjaan atau permit mastautin yang sah tidak kurang daripada 6 bulan

19. Bagaimanakah cara untuk mengaktifkan Kad Kredit?

Pemegang Kad boleh mengaktifkan Kad Kredit dengan mengikut langkah-langkah yang dinyatakan dalam pek alu-aluan atau dengan melayari laman web Perbadanan TAIB di: https://www.taib.com.bn/taib-web/CreditCardActivationSteps

20. Apakah yang perlu dilakukan oleh Pemegang Kad sekiranya terdapat perubahan pada butiran perhubungannya atau pada sebarang maklumat yang diberikan kepada Perbadanan TAIB?

Pemegang Kad dikehendaki mengemas kini sebarang perubahan pada butiran perhubungannya atau sebarang maklumat yang diberikan kepada Perbadanan TAIB dengan menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB, melalui TAIBVX atau mengunjungi mana-mana cawangan Perbadanan TAIB secepat mungkin.

21. Di manakah Pemegang Kad boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut?

Jika Pemegang Kad memerlukan bantuan atau maklumat lanjut mengenai Kad Kredit TAIB, Pemegang Kad boleh menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di +673 2220299, atau mengunjungi mana-mana cawangan Perbadanan TAIB.

Sekiranya pertanyaan atau aduan Pemegang Kad tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh Perbadanan TAIB, Pemegang Kad boleh menghubungi Isu Pengguna Kewangan di Brunei Darussalam Central Bank melalui e-mel di fci@bdcb.gov.bn atau hubungi +673 2380007 atau mengunjungi perkhidmatan kaunter Isu Pengguna Kewangan di:

Brunei Darussalam Central Bank,
Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan, BB3910

NOTIS PENTING

Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Kad Kredit serta Jadual Tarif dan Fi Perbadanan TAIB

Saya mengesahkan bahawa saya telah menerangkan Lembaran Pendedahan Produk ini kepada Pemegang Kad.	*Saya mengesahkan bahawa Lembaran Pendedahan Produk ini telah diterangkan kepada saya, dan saya memahami setiap penjelasan yang diberikan.*
Nama:	*Nama:*
Jawatan:	*No. Kad Pengenalan:*
Tarikh:	*Tarikh:*

_____ *(Untuk dan bagi Perbadanan TAIB)*	_____ *(Tandatangan Pemegang Kad)*

Lampiran 1

Jadual A	
Tarikh Penyata	Pada hari ke-5 setiap bulan
Tarikh Akhir Pembayaran	Hari ke-25 dari Tarikh Penyata Kad Kredit yang dikeluarkan setiap bulan
Had Kad	B$2,000.00
Tarikh Transaksi (Pembelian runcit)	14/08/2024
Jumlah Transaksi	B$1,000.00
Tarikh Penyata	5/9/2024
Tarikh Akhir Pembayaran	30/09/2024
Jenis Kad	Classic Mastercard®

Senario 1			
Pembayaran penuh ke atas baki tertunggak			
	Tarikh		**Jumlah (B$)**
Pelanggan membayar penuh ke atas baki tertunggak pada	27/09/2024		1,000.00
Jumlah baki pada	27/09/2024		0.00
Jumlah baki pada Tarikh Akhir Pembayaran	30/09/2024		0.00
Fi Pentadbiran:			75.00 (Berdasarkan TAIB Classic Mastercard)
<u>Fi Pentadbiran berdasarkan jenis kad</u> {Classic B$75.00, Gold *(Retail)* B$300.00, Gold (Korporat) B$4,500.00 dan World B$4,500.00}			
<u>Fi Pentadbiran Bulanan</u> Dikenakan kepada Pelanggan pada 5/10/2024, dikira dari hari pertama setelah Tarikh Akhir Pembayaran sehingga Tarikh Penyata Seterusnya. ***(18% / 365) x B$0.00 x 5 days**	Tarikh Bermula:	01/10/2024	**0**
	Tarikh Berakhir:	05/10/2024	
Ibra' (rebat) atas budi bicara			75.00

Senario 2			
Membayar Jumlah Minimum Sahaja (Bulan Pertama)			
	Tarikh		**Jumlah (B$)**
Bayaran minimum yang dibuat pada	27/09/2024		80.00
Jumlah baki pada	27/09/2024		920.00
Jumlah baki pada Tarikh Akhir Pembayaran	30/09/2024		920.00
Fi Pentadbiran: <u>Fi Pentadbiran berdasarkan jenis kad</u> {Classic B$75.00, Gold *(Retail)* B$300.00, Gold (Korporat) B$4,500.00 dan World B$4,500.00}			75.00 (Berdasarkan TAIB Classic Mastercard)
<u>Fi Pentadbiran Bulanan</u> Dikenakan kepada Pelanggan pada 5/10/2024, dikira dari hari pertama setelah Tarikh Akhir Pembayaran sehingga Tarikh Penyata Seterusnya. ***(18% / 365) x B$920.00 x 5 days**	Tarikh Bermula:	01/10/2024	**2.27***
	Tarikh Berakhir:	05/10/2024	
	Jumlah Hari:	5	
Ibra' (rebat) atas budi bicara			72.73

Scenario 2 (Sambungan)			
***'Rollover'* Baki Dari Jumlah Pembayaran Yang Lalu (Bulan Kedua)**			
	Tarikh		**Jumlah ($)**
Jumlah baki yang di*'rollover'* pada	6/10/2024		922.27
Jumlah minimum yang dibayar oleh pelanggan	27/10/2024		75.87
Jumlah baki pada	27/10/2024		846.40
Jumlah baki pada Tarikh Akhir Pembayaran	30/10/2024		846.40
Fi Pentadbiran: <u>Fi Pentadbiran berdasarkan jenis kad</u> {Classic B$75.00, Gold *(Retail)* B$300.00, Gold (Korporat) B$4,500.00 dan World B$4,500.00}			75.00 (Berdasarkan TAIB Classic Mastercard)
<u>Fi Pentadbiran Bulanan</u> Dikenakan kepada Pelanggan pada 5/11/2024, dikira dari hari pertama setelah Tarikh Penyata Semasa sehingga Tarikh Penyata Seterusnya. ***(18%/365) x B$920.00 x 21 days = B$9.53 {06/10 – 26/10}** **(18% /365) x B$846.40 x 10 days = B$4.17 {27/10 – 05/11}**	Tarikh Bermula:	06/10/2024	**13.70**
	Tarikh Berakhir:	05/11/2024	
	Jumlah Hari:	31	
Ibra' (rebat) atas budi bicara			61.30

Senario 3			
Tiada Pembayaran (Bulan Pertama)			
	Tarikh		**Jumlah ($)**
Bayaran minimum yang dibuat			0.00
Jumlah baki pada Tarikh Akhir Pembayaran	30/09/2024		1,000.00
Fi Pentadbiran: <u>Fi Pentadbiran berdasarkan jenis kad</u> {Classic B$75.00, Gold *(Retail)* B$300.00, Gold (Korporat) B$4,500.00 dan World B$4,500.00}			75.00 (Berdasarkan TAIB Classic Mastercard)
<u>Fi Pentadbiran Bulanan</u> Dikenakan kepada Pelanggan pada 5/10/2024, dikira dari hari pertama setelah Tarikh Akhir Pembayaran sehingga Tarikh Penyata Seterusnya. ***(18% / 365) x B$1000 x 5 days**	Tarikh Bermula:	01/10/2024	**2.47***
	Tarikh Berakhir:	05/10/2024	
	Jumlah Hari:	5	
Ibra' (rebat) atas budi bicara			72.53

Senario 3 (Sambungan)			
***'Rollover'* Baki Dari Jumlah Sebelumnya Yang Belum Dibayar (Bulan kedua)**			
	Tarikh		**Jumlah ($)**
Jumlah baki yang di*'rollover'* pada	6/10/2024		1,002.47
Bayaran minimum yang dibuat pada	27/10/2024		$0.00
Jumlah baki pada Tarikh Akhir Pembayaran	27/10/2024		1,002.47
Fi Pentadbiran: <u>Fi Pentadbiran berdasarkan jenis kad</u> {Classic B$75.00, Gold *(Retail)* B$300.00, Gold (Korporat) B$4,500.00 dan World B$4,500.00}			75.00 (Berdasarkan TAIB Classic Mastercard)
<u>Fi Pentadbiran Bulanan</u> Dikenakan kepada Pelanggan pada 5/11/2024, dikira dari hari pertama setelah Tarikh Penyata Semasa sehingga Tarikh Penyata Seterusnya. ***(18% / 365) x $1,000.00 x 31 days**	Tarikh Bermula:	06/10/2024	**15.29***
	Tarikh Berakhir:	05/11/2024	
	Jumlah Hari:	31	
Ibra' (rebat) atas budi bicara			59.71